

Dr. M gesa perbetul tafsiran mengenai Islam

UM 11 JUL 2003

PUTRAJAYA 10 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru ulama seluruh dunia memainkan peranan memimpin ummah memperbetulkan tafsiran mengenai Islam dalam usaha mengembalikan semula kegemilangan tamadun Islam.

Perdana Menteri berkata, hanya golongan ulama mampu mengubah pemikiran dan hala tuju umat kerana mereka adalah golongan paling berpengaruh di kalangan ummah.

“Jika ulama tidak mahu dipandang rendah dan hina oleh musuh kita, anda perlu memberitahu kita apa yang perlu dilakukan untuk mengembalikan kegemilangan dan tamadun agung masa lampau kita,” katanya ketika hucup di hadapan kira-kira 900 peserta termasuk ulama, cendekiawan dan pemikir Islam dari 33 negara semasa merasmikan Multaqa Ulama Sedunia di sini.

Dr. Mahathir berkata, ulama perlu membuat keputusan itu secara konsensus supaya tidak timbul perbezaan tafsiran yang akhirnya memecah-belahkan umat Islam.

Motivasi

“Jika kita fikir kita mahu berjaya dan menjadi kuat, ulama boleh membetulkan motivasi kepada kita. Itu adalah tugas menyeluruh ulama kepada Islam dan ummah,” kata beliau, katanya.

Perdana Menteri berkata, kekalahan demi kekalahan yang dialami oleh kerajaan Islam seperti di Sepanyol dan Turki disebabkan ulama tidak lagi mementingkan duniawisebaliknya hanya memheri penekanan kepada ajaran agama dan hidup selepas mati sematamata.

Malah hingga ke hari ini katanya, peristiwa kejatuhan kerajaan Islam Andalusia dan Othmaniah di Turki tidak pernah dijadikan iktibar terutama oleh golongan ulama yang secara berterusan menentang penguasaan ilmu dunia seperti sains dan matematik.

Pada hal kata beliau, kedua-dua ilmu itu penting untuk memajukan ekonomi dan mempertahankan umat Islam daripada ditindas dan dihina.

“Bukan Islam yang menyebabkan kemunduran umatnya. Tetapi akibat pelbagai salah tafsir mengenai Islam yang membawa kepada musibah yang dihadapi Islam, jelasnya.

Oleh itu katanya, Multaqa ini penting kerana ia menghimpunkan golongan yang paling berpengaruh di kalangan umat Islam.

Dari situ katanya, satu kesepakatan dapat dicari dalam usaha untuk menyatupadukan ummah dan yang paling penting mengembalikan maruah Islam di dunia.

Menurut Dr. Mahathir, Islam tidak akan berjaya mengembalikan penghormatan dan kegemilangan seperti mana kira-kira 1,400 tahun dahulu kecuali mereka dapat mempertahankan diri.

Untuk membolehkan mereka berbuat demikian katanya, banyak perkara perlu dilaku-

kan termasuk memiliki kemahiran dan pengetahuan bagi menjadikan Islam disanjung.

“Keputusan terletak pada kita. Jika kita fikir perlu mengembalikan kegemilangan tamadun Islam, kita perlu bebaskan diri daripada penindasan, mampu mempertahankan diri, kemudian kita perlu berusaha melakukan perkara perlu yang dianggap sebagai duniawi.

“Kalau kita fikir kita tidak perlu melakukan perkara duniawi, kita perlu menerima penghinaan ke atas Islam, umat Islam dan negara Islam,” tegasnya.

Oleh itu katanya, ulama adalah kumpulan paling penting dalam mengubah minda dan pemikiran umat Islam bagi memastikan Islam kembali dihormati.

Bagaimanapun kata Dr. Mahathir, usaha itu tidak akan dicapai dengan membunuh orang tidak berdosa secara membuta tuli.

Sebaliknya kata beliau, ia memerlukan perancangan dan pelan pembangunan jangka panjang.

Oleh itu beliau berharap, ulama yang hadir pada multaqah selama tiga hari itu dapat tampil dengan resolusi yang dapat digunakan pakai untuk mengangkat semula martabat Islam di mata dunia.

“Anda semua ulama yang perlu membuat keputusan dan anda perlu membuat keputusan ini secara sebulat suara supaya perbezaan tafsiran ini tidak lagi akan memecah-belahkan umat.

Tanggungjawab

“Ya tanggungjawab bersama anda untuk Islam dan seluruh umatnya,” kata Perdana Menteri.

Katanya, ulama perlu membimbing umat Islam menuju kejayaan dengan memberikan tafsiran yang benar mengenai agama.

Menurut Dr. Mahathir, Allah tidak pernah menganiaya umat Islam sebaliknya mereka membiarkan diri ditindas tanpa berusaha.

Sewaktu zaman kegemilangan Islam kata beliau, dunia melihat Islam sebagai pusat segala ilmu pengetahuan dan umat Islam menjadi pedagang yang hebat dan begitu disegani yang menjadi faktor berkembangnya agama itu termasuk ke Asia Tenggara.

Kini kata beliau, satu bilion umat Islam dengan mudnh ditindas dan ditewaskan serta dipaksa menerima kehadiran kuasa asing dengan penuh kehinaan dan sentiasa dikaitkan dengan penganiayaan termasuk Nabi Muhammad sendiri.

Punca kepada segala perkara itu katanya, bukan disebabkan takdir tetapi disebabkan oleh umat Islam sendiri yang tidak memahami dan mengamalkan Islam secara betul.

“Satu-satunya kesimpulan yang kita boleh buat terhadap nasib sedih yang menimpa umat Islam ialah mereka tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, bahawa Islam yang mereka amalkan sekarang ini ditafsir secara salah,” tegasnya.